

Kerajaan Pulau Pinang diminta perjelas isu anugerah palsu



➔ MBPP, MPSP perlu jawab sama ada bayar untuk dapat pengiktirafan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Georgetown

Kerajaan DAP Pulau Pinang perlu memberi penjelasan mengenai dakwaan dua majlis perbandaran di negeri itu menerima anugerah dan sijil daripada sebuah badan antarabangsa yang mengaut keuntungan dengan menjual anugerah dan sijil palsu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Datuk Muhammad Farid Saad, berkata kerajaan negeri perlu menjelaskan sama ada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut

membayar kepada organisasi itu. "Adalah agak menghairankan dua pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negeri yang sama di Malaysia boleh memenangi anugerah sama daripada sebuah organisasi antarabangsa di Eropah, pada dua tahun berturut-turut.

"Adakah kerajaan negeri ghairah untuk mencari pujian dan pengiktirafan antarabangsa dengan niat menunjuk-nunjuk mengenai pentadbiran mereka, sehingga memaksa MBPP dan MPSP 'membeli' anugerah daripada organisasi 'bogos' (palsu)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Perjelas pemerolehan

Sehubungan itu, beliau mahu Kerajaan DAP Pulau Pinang menjelaskan sama ada pemerolehan anugerah berkenaan menggunakan pakai wang rakyat atau sebaliknya.

Beliau mengulas laporan media, semalam, yang mendedahkan anugerah Europe Business Assembly (EBA) yang diterima oleh bekas Yang Dipertua (YDP) MPPP (kini MBPP), Datuk Patahiyah Ismail dan bekas YDP MPSP, Datuk Maimunah Mohd Sharif (ketika ini Datuk Bandar MBPP) dikatakan

anugerah yang 'boleh dibeli dengan wang'.

Pada Julai 2013, Patahiyah yang ketika itu menyandang jawatan Yang Dipertua MPSP dianugerah 'Best Municipal Manager', manakala Majlis Perbandaran Pulau Pinang (kini MBPP) menerima 'Best Municipality Award' daripada EBA dalam majlis diadakan di Montreux, Switzerland.

Pada Julai 2014, Maimunah yang ketika itu menyandang jawatan Yang Dipertua MPSP dan majlis itu turut memenangi anugerah sama, daripada EBA dalam majlis diadakan di Stresa, Itali.

Malah, MPSP turut menerima tiga sijil pengiktirafan daripada EBA, iaitu 'Best Holiday Destination', 'Best Cities' dan 'Top Medical/Travel/Hospitality Web-site'.

Mengulas lanjut, Muhammad Farid berkata, selepas dimaklumkan mengenai laporan berita itu, beliau membuat carian di internet dan mendapat tahu EBA adalah organisasi yang tidak berwibawa dan bermatlamat mencari untung dengan 'menjual anugerah', termasuk kepada organisasi kerajaan dan perniagaan yang sanggup membayar mereka.

"Adalah amat mendukacitakan

dan memalukan seluruh rakyat Pulau Pinang sekiranya benar MPSP dan MPSP telah turut membayar wang kepada EBA untuk mendapatkan anugerah pada tahun 2013 dan 2014," katanya.

Sementara itu, EXCO Kerajaan Tempatan, Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri, Chow Kon Yeow, dalam kenyataannya berkata, kerajaan negeri kesal dengan pendedahan dua PBT berkenaan menerima anugerah yang meragukan dan palsu.

Mohon sahkan pengiktirafan

Dalam pada itu, MBPP dalam kenyataan semalam, memohon EBA mengesahkan semula pengiktirafan diterima majlis bandaraya itu, pada Julai 2013 lalu.

"MBPP (ketika itu MPPP) dicalonkan menerima anugerah 'The Best Cities' dan 'The Best Municipal Managers' dari EBA sewaktu Swiss Summit of Leaders di Fairmont Le Montreux Palace, Montreux, Switzerland pada 1 dan 2 Julai 2013.

"Bagaimanapun, MBPP amat berduka cita dengan laporan menyatakan bahawa anugerah diterima adalah disyaki palsu," kata kenyataan itu.

Adalah agak menghairankan dua pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam negeri yang sama di Malaysia boleh memenangi anugerah sama daripada sebuah organisasi antarabangsa di Eropah, pada dua tahun berturut-turut"

Muhammad Farid Saad,
ADUN Pulau Betong